

ASEAN syor sijil vaksin digital benarkan pergerakan

Kuala Lumpur: Negara anggota ASEAN mencadangkan sijil vaksin digital diwujudkan sebagai antara syarat untuk membenarkan pergerakan masuk individu ke setiap negara di rantau itu.

Menteri Kanan dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata perkara itu adalah antara yang dibincangkan dalam pemukiman Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN Ke-27 secara maya selama dua hari berakhir semalam.

Beliau berkata, sekiranya sijil vaksinasi itu dapat direalisasikan, maka ia pasti dapat memu-

dahkan perjalanan masyarakat perniagaan dan memulihkan semula sektor pelancongan.

"Namun, tegasnya, semua maklum mengenai beberapa cabaran semasa kerana vaksin digunakan oleh negara anggota ASEAN adalah berbeza-beza daripada pelbagai pengeluar produk vaksin.

"Justeru, kita ingin lihat bagaimana boleh mengiktiraf secara kolektif terhadap produk vaksin yang dikeluarkan. Jika kita boleh bersetuju, maka sudah tentu ini dapat dicapai dan kita juga maklum bahawa kadar keberkesaan bagi setiap vaksin berbeza.

"Hal ini juga menjadi satu ke-

bimbangan dalam kalangan negara anggota mengenai kadar keberkesaan vaksin yang digunakan oleh negara anggota.

"Namun, saya dimaklumkan bahawa Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN akan mengadakan perbincangan dan sudah tentu cadangan dibuat hari ini (semalam) akan diambil kira untuk dilaksanakan," katanya pada Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN Ke-27 di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Mohamed Azmin berkata, perkara itu adalah satu cadangan baharu dan beliau dimaklumkan oleh Menteri Ekonomi dari Brunei bahawa ia akan

dibawa ke mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan.

"Tiada garis masa ditetapkan untuk cadangan ini, tetapi saya percaya kita akan melaksanakannya dalam masa terdekat dan dapat membantu pergerakan dalam anggota ASEAN," katanya.

Dalam satu kenyataan bersinggungan, Mohamed Azmin berkata, Malaysia yakin bahawa ratifikasi Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) akan menyumbang terhadap pembentukan Rangkaian Nilai Global (GVC) secara efektif dengan 15 anggota RCEP yang merangkumi satu pertiga populasi dunia.

"Ini membantu merekayasa permintaan dan bekalan yang akan meningkatkan pemulihan serta memacu pemulihian ekonomi di seluruh rantau RCEP. Malaysia akan meningkatkan usaha untuk mempercepatkan proses ratifikasi RCEP menjelang 2022.

"Malaysia juga menyokong keberhasilan ekonomi berkeutamaan yang diutarakan oleh Brunei selaku Pengerusi ASEAN 2021, di mana ia tumpuan yang diperlukan bagi mempercepatkan pemulihran ekonomi serantau serta bidang penting yang berkaitan dengan megatrend global yang didukung oleh ASEAN," katanya.